



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PANDUAN MENGISI
BORANG 34 - BUTIRAN NOTIS DAN TUNTUTAN FAEDAH

PANDUAN MENGISI BORANG INI ADALAH MERUJUK KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UTAMA DI DALAM BORANG 34

PENTING : Pastikan Butiran Notis Dan Tuntutan Faedah ini untuk TUNTUTAN BAHARU sahaja

JENIS NOTIS

Sila Pilih Jenis Notis Yang Hendak Dibuat Tuntutan:

1. Notis Kemalangan

Bagi kejadian yang berlaku secara tidak sengaja hingga menyebabkan kecederaan kepada orang berinsurans

2. Notis Penyakit Khidmat

Jika mengalami penyakit yang disebabkan atau berpunca daripada aktiviti dan faktor persekitaran di tempat kerja

3. Notis Keilatan

Jika mengalami keuzuran/penyakit yang berkekalan akibat sebarang sebab

4. Notis Kematian

Jika orang berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab atau kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan

SEKSYEN A

Hendaklah dilengkapkan pihak yang mengemukakan Borang Butiran Tuntutan walau apapun pilihan Jenis Notis

BAGI NOTIS KEMALANGAN : Mesti dikemukakan oleh MAJIKAN

- MAJIKAN hendaklah melengkapkan Seksyen berikut: Seksyen B, C, D, H & I (Beserta cop majikan)
- ORANG BERINSURANS hendaklah membuat pengesahan pada Seksyen J – Para 1, Para 6 dan menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan di Para 7

BAGI NOTIS PENYAKIT KHIDMAT: Dikemukakan sama ada oleh MAJIKAN atau ORANG BERINSURANS

- Jika Notis dikemukakan oleh MAJIKAN, Seksyen berikut hendaklah dilengkapkan: B, C, E, H & I (Beserta cop majikan)
- Jika Notis dikemukakan oleh ORANG BERINSURANS, Seksyen berikut hendaklah dilengkapkan: B, C, E, H & J - Para 6 dan menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan di Para 7

BAGI NOTIS KEILATAN:

ORANG BERINSURANS hendaklah melengkapkan Seksyen berikut: Seksyen F, H & J - Para 6 dan menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan di Para 7

BAGI NOTIS KEMATIAN:

- Jika orang berinsurans meninggal dunia akibat kemalangan dan masih lagi bekerja, MAJIKAN hendaklah melengkapkan Seksyen berikut: Seksyen G, D & I
- ORANG TANGGUNGAN hendaklah melengkapkan- Seksyen G & J berikut:
 - Para 2 atau 3 (Bagi Tuntutan Faedah Pengurusan Mayat)
 - Para 4
 - Para 5 dengan mengisi senarai maklumat orang tanggungan
 - Para 6
 - Para 7 dan menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan

SEKSYEN H

Perlu dilengkapkan bagi Notis Kemalangan, Notis Penyakit Khidmat dan Notis Keilatan. Walau bagaimanapun, pilihan adalah tertakluk kepada keputusan PERKESO.

SEKSYEN I

Hendaklah dilengkapkan oleh majikan atau wakil beserta cop majikan bagi Notis Kemalangan dan Notis Kematian yang berkaitan dengan pekerjaan .

SEKSYEN J

Perlu dilengkapkan sama ada oleh orang berinsurans, orang tanggungan atau pihak yang menuntut mengikut Jenis Notis .

SEKSYEN J Para 6

- Sila pilih salah satu sahaja nama bank daripada senarai Bank berikut: CIMB BANK BERHAD / MAYBANK / BANK SIMPANAN NASIONAL (AKAUN GIRO) / BANK MUAMALAT / RHB BANK BERHAD / PUBLIC BANK BERHAD/ HONG LEONG BANK/ AMBANK/ BANK ISLAM dan lengkapkan nama dan no. akaun di ruangan yang disediakan.
- Pastikan akaun masih AKTIF dan BUKAN akaun bersama (Joint Account)



Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang masalah/pertanyaan, sila hubungi:
Talian Am : 03 - 4264 5000 | Khidmat Pelanggan : 1-300-22-8000 | Faksimili : 03 - 4256 7798
E-mel : perkeso@perkeso.gov.my